



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL:1 /2006

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardu Haji adalah dikehendaki untuk menghadapkan permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi **Musim Haji 2006-2007 Masihi [1427 Hijriah]**. Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke **Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam** tidak lewat dari **28hb April 2006** dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Syarat-syarat bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini adalah seperti syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:8/1997 Ruj:JPM/SK/8/1997 bertarikh 29 Zulhijjah 1417 bersamaan dengan 7hb Mei 1997 kecuali perkara-perkara 2, 3 dan 5 Surat Keliling tersebut diubah seperti berikut:-

1. Pengurniaan ini adalah untuk pegawai itu sendiri dan juga untuk isterinya (jika suami yang bekerja), atau suaminya (jika isteri yang bekerja), yang menunaikan fardhu haji bersama-sama dengan pegawai itu. **"Jika mana-mana Pegawai Kerajaan sama ada ia belum atau telah bersara dan sama ada ia belum atau telah mendapat kurnia tambang ini semasa masih dalam perkhidmatan dengan Kerajaan atau telah bersara, maka pegawai Kerajaan itu boleh memohon kurnia tambang ini bagi dirinya sahaja atau isterinya atau suaminya sahaja."**
2. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan kesebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan hinggalah kepada tarikh terakhir iaitu **28hb April 2006** tetapi tidaklah termasuk perkhidmatan dalam bergaji hari.
3. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji bagi **Musim Haji 2006 Masihi [1426 Hijriah]** yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada **tahun 1427H/2006-2007M** adalah dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula.

Ketiga-tiga perkara 1, 2 dan 3 di atas adalah bagi menggantikan perkara-perkara 2, 3 dan 5 dalam Surat keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 8/1997 yang tersebut di atas. Surat keliling ini adalah bagi menggantikan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 3/2005.

[PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN]

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2006
Tarikh : 1 Muharram 1427
15 Februari 2006



PEMBAHAGIAN:

Yang Mulia

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan;
Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan;
Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan;
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan;
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;
Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan;
Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan;
Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;
Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama;
Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan;
Setiausaha Tetap (Teknikal dan Professional) Kementerian Pembangunan;
Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan;
Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan;



PEMBAHAGIAN:

Yang Amat Mulia/Yang Berhormat/Yang DiMuliakan/Yang Mulia,

Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara;
Juruaudit Agung;
Pesuruhjaya Polis DiRaja Brunei;
Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat;
Peguam Negara;
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
Pengarah Keselamatan Dalam Negeri;
Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi;
Pengarah Biro Mencegah Rasuah;
Pengarah Biro Kawalan Narkotik;
Pengarah Perkhidmatan Elektrik;
Pengarah Unit Petroleum;
Pengarah Radio dan Televisyen Brunei;
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan;
Pengarah Perkhidmatan Pengurusan;
Pengarah Percetakan Kerajaan;
Pengarah Penerangan;
Pengarah Jabatan Kehakiman Negara;
Pengarah Institut Perkhidmatan Awam;
Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC;